

13 OCT 2000

Bername-Kadir

TERPULANG KPD KERAJAAN SWASTAKAN BERNAMA, TV2, DLL, KATA LEMBARAN BUDI

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Keputusan sama ada untuk menswastakan Bernama, TV2, Finas, Filem Negara dan empat stesen radio di bawah Kementerian Penerangan, terpulang sepenuhnya kepada kerajaan, kata pengarah Lembaran Budi Sdn Bhd Datuk Abdul Kadir Jasin.

"Ia terpulang kepada kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pejabat baru Berita Publishing Sdn Bhd dan melancarkan logo barunya di sini hari ini.

Katanya tiada perkembangan baru sejak Lembaran Budi mengemukakan cadangannya untuk memperoleh entiti itu kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU).

"EPU meminta satu pertemuan tiga minggu lepas tetapi tiada apa yang berlaku selepas itu," kata Kadir yang juga pengerusi Bernama, Pertubuhan Berita Nasional.

Kadir mengambil alih Berita Publishing Sdn Bhd, bahagian majalah New Straits Times Press pada Julai tahun ini. Kadir adalah bekas ketua pengarang kumpulan NSTP.

Rakan sekutu Kadir dalam Lembaran Budi ialah Datuk Jalaluddin Bahaudin, bekas setiausaha akhbar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Mohamad Ibrahim Mohamad Nor, ketua pegawai eksekutif Bernas, Syarikat Padiberas Nasional Berhad.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu, Kadir berkata Berita Publishing berjaya menambah pendedaran sebanyak 6,000 naskah pada Ogos, bulan pertama di bawah pemilikannya.

"Adalah menjadi harapan pemilik dan pengurusan baru Berita Publishing Sdn Bhd untuk membentuk semula kumpulan ini menjadi penerbit bebas majalah dan buku yang berjaya," katanya.

Kadir berkata mulai Januari 2001, Berita Publishing akan menerbitkan majalah "Going Places" majalah dalam penerbangan, syarikat Penerbangan Malaysia (MAS).

"Ini akan memberikan kita tambahan pendedaran sebanyak 100,000," katanya.

-- BERNAMA

MHI NZ RYN RON